

Pengiktirafan dunia Malaysia negara Islam sudah mencukupi

1990 16 SEP 2002

SHAH ALAM 17 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pengiktirafan umat Islam dan bukan Islam di seluruh dunia bahawa Malaysia sebuah negara Islam sudah mencukupi bagi mengesahkan status tersebut.

Menurut Perdana Menteri, jumlah terbesar umat Islam di negara ini dan dunia mengakui Malaysia adalah negara Islam dan umat Islam Malaysia selebihnya selaku ahli Sunnah Wal Jamaah harus menerima pendapat tersebut selaku pegangan Jamaah Islamiah iaitu masyarakat umum.

“Jumlah yang terbesar daripada umat Islam di Malaysia dan juga di seluruh dunia mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam.

“Ini sahaja sudah mencukupi untuk Malaysia diterima oleh orang Islam di negara ini yang akur kepada pendirian Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai negara Islam (dan) alasan lain sebenarnya tidak perlu,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menyampaikan ucapan bertajuk Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam pada seminar dua hari *Memahami Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam* di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan bagaimanapun boleh menunjukkan bukti dengan jelas bahawa segala ajaran Islam yang mampu dilaksanakan oleh pemerintahan Malaysia telah dilaksanakan oleh kerajaan.

“Undang-undang Islam dikuatkuasakan di Malaysia dengan mengambil kira keadaan negara berbilang agama

ini dan keadilan yang menjadi perkara utama dalam undang-undang Islam.

“Di negara yang penduduknya seratus peratus terdiri daripada orang Islam, hukum Islam boleh dilaksanakan sepenuhnya,” kata beliau.

Menurut Dr. Mahathir, dakwaan Malaysia sebagai sebuah negara Islam memang berasas dan tepat kerana semua yang dikehendaki untuk hidup cara Islam terdapat di negara ini.

“Pengiktirafan oleh orang yang berkepentingan terutama oleh orang yang menidakkan ajaran Islam seperti mendakwa Tuhan samseng terbesar, penjahat dan penipu, tidak penting.

● Sekitar seminar di muka 9

“Hakikatnya ialah Malaysia adalah negara Islam, diperintah oleh orang Islam dan segala suruhan Allah yang wajib diamalkan boleh diamal dengan bebas dan selamat,” tegasnya.

Perdana Menteri berkata, golongan yang menolak pendapat sebahagian besar umat Islam itu adalah umpama puak Khawarij yang kononnya berpegang kuat kepada agama tetapi sering mencetuskan kacau-bilau dan mencuba menjatuhkan kerajaan Islam melalui keganasan serta hasutan.

“Mereka ini tidak berhak menyoal Islam atau tidaknya Malaysia.

“Jika syarat mereka untuk mentakrifkan sebuah negara sebagai negara Islam hanya sekiranya undang-undang ciptaan mereka diterima pakai, maka tidak ada satu pun

negara di dunia hari ini yang boleh diiktiraf sebagai negara Islam,” ujar Perdana Menteri.

Sementara itu, Perdana Menteri ketika menjawab soalan pada sesi dialog bersama peserta seminar berkata, Perlembagaan yang hanya menyebut Islam sebagai agama rasmi dan Malaysia sebagai negara sekular adalah berdasarkan tafsiran pihak British yang merangka perundangan tersebut.

“Saya rasa Suruhanjaya Reid (perangka Perlembagaan) tidak tahu berkaitan tafsiran negara Islam kerana mereka hanya tahu bahawa negara yang rakyatnya boleh mengamalkan pelbagai agama tanpa gangguan sebagai negara sekular.

“Tetapi sebenarnya dalam negara Islam seperti Andalus (Sepanyol) pun ada orang Kristian dan Yahudi yang bebas beragama,” kata beliau.

Tambah Perdana Menteri, agama rasmi juga sudah boleh dijadikan ukuran untuk menentukan agama sesebuah negara itu seperti Britain yang meletakkan agama Gereja Anglical sebagai agama rasmi tetapi dianggap sebuah negara Kristian.

Menurut Perdana Menteri, kaum-kaum lain sebenarnya memahami bahawa Malaysia sejak merdeka adalah sebuah negara Islam tetapi ahli-ahli politik sengaja memainkan isu tersebut selepas pengisytiharan yang dibuatnya September tahun lalu.

“(Lagipun) kita bukan isytihar (sebaliknya) kita cuma nyatakan benda yang sedia ada, memang pun dari awal Malaysia sudah negara Islam,” kata Perdana Menteri.